

02 AUG 2000

Mahkamah-Anwar/I

MAHKAMAH PERSEKUTUAN TOLAK RAYUAN ANWAR

KUALA LUMPUR, 2 Ogos (Bernama) -- Mahkamah Persekutuan hari ini menolak rayuan Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja terhadap keputusan bahawa Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak perlu memberi keterangan dalam perbicaraan kes liwatnya.

Panel tiga hakim yang diketuai oleh Ketua Hakim Negara Tun Eusoff Chin, Hakim Besar Malaya, Tan Sri Wan Adnan Wan Ismail dan Hakim Mahkamah Persekutuan, Datuk Abdul Malek Ahmad membuat keputusan itu selepas Anwar enggan meneruskan prosiding kerana bimbang Eusoff akan bersikap berat sebelah.

Semalam, Anwar yang menamatkan khidmat tujuh peguamnya, membuat permohonan sendiri supaya Eusoff menarik diri daripada mendengar rayuannya. Anwar berkata Eusoff boleh bersikap berat sebelah oleh kerana hubungannya dengan Perdana Menteri.

Mahkamah bagaimanapun menolak permohonan beliau.

"Memandangkan awak tidak berhasrat untuk meneruskan prosiding rayuan, kami tidak mempunyai pilihan selain menolak rayuan ini," kata Eusoff selepas beliau bertanya Anwar mengenai hasratnya.

Eusoff juga menolak rayuan Sukma selepas peguamnya Gobind Singh Deo memberitahu mahkamah bahawa pelanggannya juga tidak mahu meneruskan prosiding, dengan menggunakan alasan yang sama.

Sebelum itu, Anwar, dari kandang tertuduh, memberitahu mahkamah bahawa beliau tidak mahu meneruskan rayuan itu "kerana tersangat bimbang dan khuatir terhadap sikap berat sebelah pada pihak Ketua Hakim Negara."

"Saya tidak mempunyai pilihan dan terpaksa tidak meneruskan prosiding memandangkan saya tidak mempunyai keyakinan terhadap Yang Arif, Tun," kata Anwar.

Pada permulaan prosiding hari ini, Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah yang mengetuai pasukan pendakwaan memaklumkan kepada mahkamah bahawa Anwar akan mewakili dirinya sendiri.

Eusoff lalu memberitahu Anwar bahawa beliau boleh melantik semula peguamnya untuk mewakili beliau memandangkan rayuan itu menyentuh persoalan undang-undang dan Mahkamah Persekutuan belum membuat sebarang keputusan mengenai perkara itu.

Anwar bagaimanapun enggan berbuat demikian. Bekas kumpulan peguamnya yang diketuai oleh Christopher Fernando, terdiri daripada Karpal Singh, Gurbachan Singh, Sankaran Nair, Zulkifli Nordin, Pawancheek Merican dan Saiful Izhah Ramli.

Bekas timbalan perdana menteri itu dan Sukma telah merayu supaya diketepikan keputusan Mahkamah Rayuan yang mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi untuk tidak memanggil Dr Mahathir untuk memberi keterangan.

Mereka telah memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk memanggil Dr Mahathir sebagai saksi pembelaan dalam kedudukan peribadi beliau, tetapi ia ditolak oleh hakim perbicaraan, Datuk Arifin Jaka.

Pada 5 Jun, Mahkamah Rayuan mengekalkan keputusan Arifin selepas menerima penghujahan Mohtar bahawa keputusan Arifin dalam perkara itu tidak boleh dirayu kerana ia adalah muktamad tetapi masih boleh dikaji semula oleh hakim pada akhir perbicaraan.

Anwar, 52, dibicarakan bersama-sama Sukma, 39, atas tuduhan berasingan meliwat bekas pemandu keluarga Anwar, Azizan Abu Bakar, di apartmen Sukma di Tivoli Villa, Bangsar, di sini pada satu malam, pada pukul 7.45 antara Januari dan Mac, 1993.

Sukma, seorang ahli perniagaan, menghadapi satu lagi tuduhan iaitu bersubahat dengan Anwar meliwat Azizan, 39, pada masa dan tempat yang sama.

Mahkamah Tinggi buat sementara waktu menetapkan 4 Ogos (Jumaat) untuk memberi keputusan mengenai kes itu.

Anwar sedang menjalani hukuman penjara enam tahun setelah didapati bersalah terhadap empat tuduhan amalan rasuah kerana campur tangan dalam penyiasatan polis terhadap dakwaan salah laku seks.

-- BERNAMA

NHD AHH LAT NMO